

MEMBANGUNKAN PROGRAM ECO-AGRO-EDU *HOMESTAY*: KAJIAN KES DI KG. RAWA, NEGERI SEMBILAN

(Developing program ECO-AGRO-EDU of homestay: A case study at Kg. Rawa, Negeri Sembilan)

Maisarah Mohd Rabu, N.M. Tawil, Habibah Ahmad, Abdul Rahman Mohd Rabu

ABSTRAK

Industri pelancongan *homestay* dilihat sebagai salah satu nadi penggerak ekonomi negara kerana ianya penyumbang kepada pendapatan di negara Malaysia khususnya. Dalam rangka membangunkan industri tersebut, banyak kawasan yang mempunyai keunikan semula jadi dimajukan bagi tujuan pelancongan. Objektif kajian bertujuan untuk meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi komuniti *Homestay* melalui pendedahan Eco, Agro dan Edu Tourism di Kampung Rawa, Negeri Sembilan serta kajian ingin mengenal pasti penggunaan sumber yang digunakan secara oleh pengusaha *homestay*. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan borang soal selidik bagi menyelesaikan kajian ini. Data telah dianalisis menggunakan aplikasi SPSS. Pengusaha *homestay* dilihat telah mengambil manfaat di atas keindahan dan suasana kampung bagi menarik pelancong luar mahupun tempatan. Kesimpulannya, program *homestay* adalah platform terbaik untuk memperkenalkan budaya warisan Melayu lebih mampan serta mampu bersaing dengan negara maju yang lain serta memberikan impak positif kepada masyarakat, ekonomi dan Negara.

Kata Kunci: *homestay, ecotourism, agrotourism, edutourism, pembangunan komuniti, industri pelancongan*

ABSTRACT

Homestay tourism industry is seen as a driving force for economy because it contributes to Malaysian income. Within the framework to develop the industry, many areas with natural uniqueness have been developed for tourism purposes. The objective of this study is to improve the socio-economic homestay community through the exposure of Eco, Agro and Edu Tourism in Kampung Rawa, Negeri Sembilan. This study used a structured interview and an open, direct observation and questionnaires approaches. Data have been analyzed using SPSS. Homestay operators take the opportunity over the beauty view of the village to attract both local and foreign tourists. In conclusion, the homestay program is the best platform to introduce more sustainable Malay cultural heritage and able to compete with other

developed countries as well as providing a positive impact on society, economy and country.

Keywords: *homestay, ecotourism, agrotourism, edutourism, community development, tourism industry*

PENGENALAN

Secara umumnya, dalam Rancangan Malaysia Ke10 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2010), Malaysia berada dikedudukan Ke16 dari segi pendapatan pelancongan. Pelancongan boleh didefinisikan sebagai pergerakan sementara penduduk ke sesebuah destinasi di luar tempat kediaman dan melakukan aktiviti tertentu di sesebuah destinasi pelancongan yang ditentukan dan juga boleh memenuhi keperluan mereka (Bhatiah, 2001). Selain itu, pelancongan juga dianggap sebagai satu industri yang besar dan mengalami pertumbuhan yang pantas di dunia (Scheyvens dan Momsen, 2008). Di Malaysia, sektor pelancongan merupakan sektor kedua terbesar selepas sektor pembuatan (Che Leh et al., 2013). Jadual Pendapatan tahunan *Homestay* di Malaysia sehingga tahun 2014 seperti berikut:

NEGERI	TAHUN				
	2010	2011	2012	2013	2014
Perlis	323,364.70	190,500.00	41,347.00	170,391.00	259,480.00
Kedah	557,501.00	937,275.00	979,019.00	722,882.00	801,232
Pulau Pinang	362,272.00	361,525.00	367,916.00	418,411.00	426,777.00
Perak	583,451.00	277,295.00	300,720.00	292,340.00	497,489.00
Selangor	1,686,240.00	2,196,247.50	2,181,747.60	3,822,168.30	2,285,897.00
Melaka	1,093,742.00	1,568,799.00	1,923,190.00	1,356,530.00	1,484,040.00
N.Sembilan	1,039,817.50	692,612.60	842,689.60	960,022.00	952,388.00
Johor	1,143,290.70	1,262,413.50	1,775,315.40	1,301,025.00	1,881,772.50
Kelantan	180,672.00	180,645.00	288,074.00	234,959.00	363,155.00
Terengganu	393,560.00	258,934.00	301,204.50	327,601.00	227,395.60
Pahang	1,632,977.50	3,547,142.00	4,956,411.70	7,263,919.00	8,567,617.60
Sarawak	543,408.40	870,089.90	1,598,764.10	1,964,900.20	2,997,325.50
Sabah	2,461,145.30	3,059,462.70	2,651,841.20	2,433,501.70	2,052,034.30
Labuan	405,781.80	333,335.60	337,461.00	302,299.00	432,947.00
JUMLAH PENDAPATAN TAHUNAN	12,407,227.60	15,736,277.60	18,545,656.00	21,570,949.20	23,229,550.50

Jadual 1 : Jadual Pendapatan tahunan *Homestay* di Malaysia sehingga tahun 2014
(Sumber : Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia)

Industri pelancongan *homestay* merupakan salah satu nadi penggerak ekonomi negara kerana merupakan salah satu penyumbang kepada pendapatan di negara Malaysia khususnya. Dalam rangka membangunkan industri tersebut banyak kawasan

yang mempunyai keunikan semula jadi dibuka dan dimajukan untuk tujuan pelancongan, sama ada melalui evolusi ataupun dibuka dengan sengaja oleh pihak-pihak tertentu. Di samping itu, menurut (Mapjabil, 2011), dari aspek penginapan pelancong, pelancongan berasaskan komuniti berkait rapat dengan program inap desa atau juga dikenali sebagai program *homestay*, yang mana pelancong akan melancong ke suatu kawasan di luar bandar dengan tujuan untuk mengenali budaya yang terdapat di kawasan tersebut, menikmati keindahan alam semulajadi, dan pelancong juga berpeluang untuk tinggal bersama tuan rumah di *homestay* yang dipilih. Menurut (Amran Hamzah, 2004; Kalsom Kayat dan Nor Ashikin Mohd Nor, 2005; Yahaya Ibrahim dan Fauwaz Hasbullah, 2008), pelancong turut berpeluang mengalami sendiri pengalaman kehidupan seharian pengusaha.

BIL	HOMESTAY	JUMLAH KESELURUHAN 2015			
		JUM. PENDAPATAN	KEDATANGAN PELANCONG (ORG)		
			DOMESTIK	ASING	JUM
1	PELEGONG	RM10,100.00	36	41	77
2	F'BEST	RM31,030.50	1,592	-	1,592
3	LONEK	RM450,606.00	2,170	535	2,705
4	LAMAN BANGKINANG	RM3,200.00	109	-	109
5	GEMAS	RM24,896.00	302	-	302
6	PACHITAN	RM302,390.00	88	3,394	3,482
7	BATANG NYAMOR	RM5,900.00	120	-	120
8	KLAWANG	RM12,290.00	492	7	499
9	MUDIM HASSAN	RM9,230.00	176	-	176
10	SOGO	RM0.00	-	-	-
11	RAWA	RM218,490.00	837	40	877
12	D'PELANDOK BEST	RM30,850.00	304	-	304
	TOTAL	RM1,098,982.50	6,226	4,017	10,243

Jadual 2 : Jumlah pendapatan keseluruhan tahun 2015 bagi *Homestay* di Negeri Sembilan

(Sumber : Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Sembilan, 2016)

Program *homestay* menawarkan pelbagai pakej bagi pelancong yang ingin menyertai program *homestay* mengikut pilihan mereka. Program yang menjadi agenda pembangunan negara ini mampu mengubah kemajuan sesebuah kampung di samping menjayakan objektif projek berasaskan komuniti yang ingin mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah bertujuan khusus bagi mengenal pasti kaedah meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk komuniti *homestay* Rawa melalui pengumpulan dan pendedahan Ekopelancongan (*Eco Tourism*), Pelancongan berasaskan Pertanian (*Agro Tourism*) dan Pelancongan berasaskan Pendidikan (*Edu Tourism*).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Konsep *homestay* berbeza dengan kemudahan penginapan lain yang dibangunkan di lokasi-lokasi yang sememangnya menjadi tumpuan orang ramai. Program *homestay* adalah salah satu strategi pelancongan di luar bandar. Ia melibatkan pelancong menginap, menjamu selera dan berhibur dengan acara tradisional dan aktiviti bersama penduduk kampung yang terlibat. Melalui program ini, pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan keluarga yang menjadi tuan rumah (hos) mereka (Norliza dan Salamiah, 2006). Maksud gabungan kepada perkataan *Homestay* adalah 'home' yang bermaksud rumah dan 'stay' yang bermaksud tinggal.

Bagaimanapun, (Chaiwacha, 2005) berpendapat program *homestay* tidak diklasifikasikan sebagai kemudahan penginapan semata-mata kerana lebih menekankan elemen gaya hidup dan pengalaman yang turut meliputi budaya dan aktiviti ekonomi setempat. Selain itu, terdapat perbezaan ciri-ciri antara setiap keluarga pengusaha seperti umur, bilangan ahli keluarga, saiz rumah dan personaliti keluarga. Penyertaan atau penglibatan masyarakat dalam pelancongan berasaskan komuniti seperti program *homestay* merupakan faktor yang mendorong kejayaan kepada sesebuah komuniti (Kalsom Kayat dan Nor Ashikin Mohd. Nor, 2005). Tambahan lagi, menurut (Kalsom Kayat dan Nor Ashikin Mohd Nor, 2005), aspek kemahiran keusahawanan dalam kalangan pengusaha *homestay* menunjukkan program *homestay* sebagai sebuah produk pelancongan dan boleh dijadikan sebagai contoh polisi pembangunan pelancongan. Seterusnya, kemahiran mengendali dan menguruskan program *homestay* haruslah ditekankan agar pengendali atau pengusaha mengetahui selok-belok dalam pengurusan *homestay* (Yahaya Ibrahim dan Fauwaz Hasbullah, 2008). Melalui pembangunan *homestay* yang terancang, pelancongan dapat membantu melindungi alam sekitar, memelihara dan memulihara aspek warisan kebudayaan serta meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat sekiranya kaedah pembangunan kekal dipraktikkan dan dilaksanakan dalam kesemua peringkat pembangunannya.

Kegagalan sesebuah program *homestay* boleh berlaku kerana masalah atau kelemahan yang wujud dalam pengurusan program tersebut. Pelbagai faktor yang menyebabkan kegagalan program antaranya masalah promosi yang perlu diberi penekanan penting untuk menjayakan program berkenaan (Amran Hamzah, 2004). Masalah komunikasi juga telah menjadi kekangan kepada pengusaha *homestay* untuk berinteraksi dengan pelancong menggunakan bahasa formal (Fazliana Fazin, 2004). Hal ini kerana, masalah komunikasi dan perbezaan budaya terjadi juga akibat persepsi dan pertukaran budaya yang berlaku antara pelajar dan pengusaha *homestay*. Menurut (Yahaya Ibrahim dan Fauwaz Hasbullah, 2008) mereka yang terlibat dalam program *homestay* berpeluang mendapat peruntukan yang tertentu daripada agensi kerajaan dan berpeluang menambah ilmu baru melalui penyertaan di dalam kursus yang dianjurkan. Antara peruntukan yang diperoleh adalah bantuan dana, infrastruktur, latihan dan kursus, promosi dan pemasaran serta sokongan moral oleh pihak kerajaan.


ECO-AGRO-EDU *HOMESTAY* RAWA

Program Pembangunan Eco-Agro-Edu *Homestay* Rawa, Negeri Sembilan ini merupakan salah satu program Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED) yang dibiayai oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UKM dan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri Sembilan (MOTAC) melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Bertempat di *Homestay* Rawa, Kampung Rawa, Lenggeng, Negeri Sembilan, program ini berlangsung selama dua hari satu malam, bermula pada 12 November hingga 13 November 2015. Bagi merealisasikan objektif program ini, seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar UKM telah turut serta membantu bagi melaksanakan dan melancarkan program ini.

Homestay Rawa telah mula ditubuhkan pada tahun 2012. *Homestay* Kampung Rawa ini juga dikenali sebagai *As Equestrian* yang telah mula menjadi salah sebuah lokasi percutian yang tersohor di Malaysia. Menurut pengerusi *Homestay* Rawa, penubuhan *Homestay* Rawa ini adalah hasil permintaan orang ramai disebabkan oleh daya penarik yang pelbagai terdapat di kawasan tersebut. Sepanjang tiga tahun beroperasi, kira-kira sebanyak 25 buah rumah telah menyertai program *homestay* Rawa ini. Suasana kampung yang damai, segar dan penuh tradisi tambahan kepada daya tarikan utama pengunjung *homestay* Rawa ini.

KAWASAN KAJIAN

Survei dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik ke atas pengusaha *homestay* di *Homestay* Kg. Rawa. Kampung Rawa merupakan sebuah kampung tradisi orang-orang Melayu Rawa Minangkabau. Kedudukan kampung ini terletak dalam kawasan Mukim Lenggeng iaitu di antara Pekan Lenggeng dan Sungai Machang Hilir. Kira-kira 22km dari Pekan Seremban, 20km dari Pekan Semenyih, 6km dari Pekan Mantin dan 30 minit sahaja dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Lokasi kajian adalah seperti Rajah 1:



Rajah 1: Peta Lokasi kawasan kajian *Homestay Rawa*, Lenggeng, Negeri Sembilan
(Sumber : Pengerusi Homestay Rawa)

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Pendekatan kuantitatif dilakukan melalui hasil borang soal selidik dan temu bual berstruktur serta terbuka. Pendekatan ini digunakan bagi mengetahui objektif yang dibincangkan bagi mendapatkan perincian mengenai eco-agro-edu di *homestay Rawa*.

Populasi

Kajian ini melibatkan 15 orang pengusaha *homestay* di Kg. Rawa, Lenggeng, Negeri Sembilan. Makin seragam populasi, makin kecil sampel yang dapat diambil. Apabila sesuatu populasi itu dilihat seragam sempurna, maka satu sampel atau sampel yang kecil dari seluruh populasi itu sudah cukup mewakili untuk diteliti. Oleh yang demikian, bilangan responden ini dikira memadai untuk kajian kuantitatif ini.

Instrumen

Kajian ini menggunakan data primer dan sekunder yang didapati daripada pelbagai bahan dan sumber antara tahun 2010 hingga 2015. Melalui maklumat dengan menggunakan data primer, kaedah ini diperolehi terus melalui melalui responden. Oleh itu, antara kaedah primer yang penyelidik telah gunakan ialah temu bual secara berstruktur, temu bual secara terbuka dan pemerhatian langsung serta penggunaan soal selidik. Temu bual ini merujuk kepada interaksi antara penyelidik dengan

responden. Kajian ini menggunakan temu bual secara berstruktur dan temu bual secara terbuka di mana soalan-soalan yang diajukan oleh peserta dirancang bagi mendapatkan pelbagai respons. Pelbagai respons yang diberikan oleh pengusaha di dalam program ini bagi membantu dapatan kajian lebih fokus dan menyeluruh tentang kawasan dan pandangan kajian. Melalui pendekatan pemerhatian pula, kajian menggunakan pemerhatian langsung oleh peserta yang terlibat dan data didapati lebih jelas, teliti dan tepat. Bagi borang soal selidik dimana penyelidik perlu bertanyakan kepada responden mengenai pelaksanaan *homestay* di Kg. Rawa.

Teknik Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian ini dimulakan dengan membuat kajian lapangan, pemerhatian langsung, temu bual berstruktur dan terbuka serta penggunaan borang soal selidik.

Analisa Data

Data-data yang telah diperoleh dari borang soal-selidik dianalisis mengikut program *Statistical Package for the Social SPSS (SPSS)*. Penganalisan ini dapat menghasilkan pengiraan yang jitu. Analisa data ini dibincangkan di bawah tajuk hasil dan perbincangan.

HASIL KAJIAN

Hasil dapatan kajian adalah melalui program yang telah diadakan di *homestay* Kg. Rawa selama dua hari. Dua hari satu malam telah diisi dengan pelbagai acara dan program menarik, yang dijalankan oleh peserta bersama-sama dengan penduduk setempat bagi mencungkil dan merungkai keistimewaan *homestay* Rawa, di samping meneliti masalah-masalah serta penambahbaikan yang boleh dijalankan untuk pembangunan *homestay* Rawa.

Pendapatan Sebulan Responden

Jadual 3 menunjukkan pendapatan sebulan yang diperolehi oleh responden di *homestay* Rawa. Berdasarkan analisis kajian mendapati bahawa pendapatan yang paling dominan ialah pendapatan dalam lingkungan RM 0-800 iaitu seramai 7 orang bersamaan 47%. Seterusnya pendapatan yang paling rendah adalah pendapatan dalam lingkungan RM 2,401- RM3,200 iaitu seramai 1 orang bersamaan 7%. Dalam konteks ini dapat dilihat bahawa pengusaha *homestay* Rawa memperoleh pendapatan bulan sebanyak RM 3000 ini mungkin disebabkan responden bekerja di dalam sektor swasta yang menawarkan gaji yang tinggi.

Jadual 3: Pendapatan Sebulan Responden

Pendapatan (RM)	Kekerapan	Peratus (%)
0-800	7	46.67

801- 1,600	5	33.33
1,601-2,400	2	13.33
2,401-3,200	1	6.67

Sumber: Kajian lapangan 2015

Jadual 4 : Jenis Produk Yang Dihasilkan Oleh Responden

Jenis Produk yang Dihasilkan	Kekerapan	Peratus (%)
Anyaman Tudung Saji	1	6.7
Berniaga Kecil-Kecilan	1	6.7
Biskut Nestum	1	6.7
Homestay	2	13.33
Homestay, Dodol, Lemang, Canopy Dan Catering	1	6.7
Kospen	1	6.7
Kuih Gunting Dan Kek	1	6.7
Kuih Tradisi	1	6.7
Makanan	1	6.7
Sos Cili	1	6.7
Tiada	3	20
Tudung Saji	1	6.7

Sumber: Kajian lapangan 2015

Jadual 4 di atas menunjukkan jenis produk yang dihasilkan oleh responden adalah berbeza-beza berdasarkan kemahiran masing-masing. Antara produk yang dihasilkan oleh responden ialah seperti anyaman tudung saji, berniaga kecil-kecilan, biskut nestum, sos cili, kuih tradisi dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga responden yang tidak menghasilkan sebarang produk tetapi lebih memberi tumpuan kepada pengurus *homestay* iaitu seramai 2 orang bersamaan 13.33%. Dalam konteks ini dapat dilihat pemilik *homestay* Rawa hanya memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pengurusan *homestay* tersebut agar dapat berkembang maju dan dikenali oleh ramai pelancong yang ingin merasai sendiri pengalaman tinggal di *homestay*.

Jadual 5 menunjukkan faktor penglibatan aktiviti pengusaha *homestay* Rawa. Berdasarkan analisis kajian didapati terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi responden terlibat dalam aktiviti *homestay* Rawa. Antara faktor yang paling dominan ialah disebabkan minat iaitu menunjukkan seramai 3 orang bersamaan 20%. Malahan terdapat juga responden yang terlibat dalam pengusahaan *homestay* adalah disebabkan mengisi masa lapang iaitu seramai 2 orang bersamaan 13.33%. Selain itu, terdapat juga faktor lain yang menyebabkan responden terlibat dalam *homestay* iaitu seperti ajakan rakan, permintaan ramai, turun temurun dan banyak lagi.

Jadual 5 : Faktor Penglibatan Aktiviti Kampung Responden

Faktor penglibatan aktiviti pengusaha <i>homestay</i>	Kekerapan	Peratus (%)
Ahli Jawatankuasa Kampung	1	6.7
Ajakan Rakan	1	6.7
Mengisi Masa Lapang	2	13.33
Menyokong Dan Menjadi Ahli Persatuan Homestay Kampung Rawa	1	6.7
Minat	3	20
Penduduk Kampung Perkhidmatan Kampung Rawa	1	6.7
Permintaan Ramai	1	6.7
Rukun Tertangga	1	6.7
Tiada Orang Dirumah	1	6.7
Tidak Bekerja	1	6.7
Turun Temurun	1	6.7

Sumber: *Sumber: Kajian lapangan 2015*

Dalam konteks *homestay* yang diduduki oleh pengkaji faktor penglibatannya adalah disebabkan permintaan ramai. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan responden semasa pengkaji menjalankan temubual. Kenyataan tersebut adalah iaitu:

“Permintaan orang, atas permintaan orang. Kita dah buka berkuda. Ada seorang Doktor kita jemput Dr panel kita. Dr datang lah ke tempat saya ada kuda, apa semua. Dia kata situ you ada homestay ke, ada chalet tak...”

Pn. Saadiah, Pengerusi *Homestay Rawa*

Berdasarkan petikan di atas, keadaan ini menunjukkan bahawa atas faktor permintaan ramai telah mendorong pemilik *homestay* ini untuk membuka *homestay* di Kampung Rawa. Ini bagi memudahkan pengunjung yang datang ke situ untuk bermain kuda khususnya pengunjung luar daripada Negeri Sembilan. Keadaan ini secara tidak langsung telah memudahkan pengunjung untuk tidak mencari tempat penginapan lain selepas selesai bermain kuda tetapi terus boleh menginap di *homestay* tersebut.

Masalah Utama Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Program Homestay

Jadual 6 menunjukkan masalah utama yang dihadapi dalam melaksanakan program *homestay* atau perkhidmatan berkaitan *homestay Rawa*. Berdasarkan hasil analisis mendapati masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha adalah dengan beban kerja rumah mereka bertambah dengan skor min sebanyak 2.67 dan sisihan piawai .448. Masalah ini di ikuti oleh karenah pelancong dengan skor min 2.60 dan sisihan piawai .507. Skor min yang sama ditunjukkan oleh lain-lain masalah dengan sisihan piawai .507. Seterusnya kekurangan modal dan persaingan mencatatkan min sebanyak 2.47 dengan sisihan piawai .640 dan .743. Akhir sekali, kurang kedatangan pelancong dan kurang kerjasama penduduk mencatatkan skor min 2.27 sisihan piawai masing-masing .594 dan .704.

Jadual 6 : Masalah Utama Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Program *Homestay*

Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Kedudukan Maklumat
Kekurangan Modal	2.47	.640	4
Kurang Kedatangan Pelancong	2.27	.594	6
Kerenah Pelancong	2.60	.507	2
Bebanan Kerja Rumah Tambahan	2.67	.488	1
Persaingan	2.47	.743	5
Kurang Kerjasama Penduduk	2.27	.704	7
Lain-lain	2.60	.507	3

Sumber: *Sumber: Kajian lapangan 2015*

Penggunaan Sumber

Jadual 7 menunjukkan penggunaan sumber semulajadi di *Homestay* Rawa. Kedudukan min yang paling tinggi adalah bagi pernyataan pengusaha dan penyedia *homestay* percaya kewujudan sumber semula jadi penting dalam membangunkan *homestay* di kampung ini iaitu dengan nilai min 4.73. Kedudukan kedua tinggi pula dengan nilai min 4.47 dan nilai sisihan piawaian juga sama bagi pernyataan pengusaha dan penyedia *homestay* dapat menggunakan keindahan dan suasana kampung untuk menarik pelancong luar datang dan juga pernyataan bahawa pengusaha dan penyedia *homestay* sentiasa berusaha supaya sumber semula jadi seperti sungai, hutan, bukit, pantai dan seumpamanya diguna dan dipelihara dengan baik bagi kegunaan tarikan pelancong. Dapatan kajian ini menunjukkan nilai min berada pada tahap baik kerana melebihi angka 4.0. Oleh yang demikian juga, hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengusaha dan penyedia *homestay* di Kampung Rawa berupaya menggunakan sumber semula jadi sebagai produk untuk memperkenalkan Kampung Rawa terhadap masyarakat luar dan juga untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang ke *homestay* di Kampung Rawa. Ini secara tidak langsung juga dapat memajukan atau membangunkan *Homestay* Rawa jika bilangan pelancong semakin bertambah atau meningkat.

Jadual 7: Penggunaan Sumber Semulajadi

Pernyataan	N	Min	Sisihan Piawaian	Kedudukan Maklumat
Penggunaan Sumber Semula jadi : Saya dapat menggunakan keindahan dan suasana kampung untuk menarik pelancong luar datang	15	4.47	.640	2
Penggunaan Sumber Semula jadi : Saya sentiasa berusaha supaya sumber semula jadi (seperti sungai, hutan, bukit, pantai dan seumpamanya) diguna dan dipelihara dengan	15	4.47	.640	2

baik bagi kegunaan tarikan pelancong

Penggunaan Sumber Semula jadi : Saya percaya kewujudan sumber semula jadi penting dalam membangunkan <i>homestay</i> di kampung ini	15	4.73	.458	1
---	----	------	------	---

Sumber: *Sumber: Kajian lapangan 2015*

Dapatan Kajian Eco-Agro-Edu Homestay Rawa

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga komponen utama, iaitu *Edu Tourism*, *Eco Tourism*, dan *Agro-Tourism*. Peserta melakukan aktiviti selain menjalankan sesi temu ramah bersama keluarga angkat bagi mendapatkan info yang terperinci mengenai *Homestay Rawa* dan membuat pemerhatian sepanjang program dijalankan.

Edu-Tourism

Aktiviti *Edu Tourism* disertai secara terus oleh para peserta bersama-sama dengan penduduk tempatan yang bertujuan untuk mencungkil dan merasai sendiri keistimewaan *Homestay Kampung Rawa* ini bagi mempromosikan *homestay* ini ke peringkat yang lebih tinggi. Antara aktiviti *Edu Tourism* yang dijalankan termasuklah acara berkuda, dan sukaneka tradisional yang menarik seperti tarik tali, congkak, boling kelapa dan sebagainya. Selain itu, aktiviti memasak bersama penduduk kampung juga dijalankan untuk mempelajari juadah-juadah tradisional masyarakat tempatan untuk dipromosikan. Persembahan kebudayaan yang menjadi salah satu daya tarikan utama *Homestay Rawa* juga disertai oleh peserta untuk meneroka muzik dan tarian tradisi masyarakat di *Homestay Rawa* yang kebanyakannya diserap daripada budaya Minangkabau. Tarian piring, alat muzik cak lempong, silat dan pelbagai lagi tarian serta muzik tradisional masyarakat diterokai oleh para peserta, di samping turut serta dalam tarian tersebut bersama dengan penduduk tempatan. Sudah terang lagi bersuluh, keunikan tradisi ini sememangnya dapat menarik minat pelancong yang berkunjung ke *Homestay Rawa* ini kerana kekayaan etnik dan budaya yang diamalkan serta diraikan oleh masyarakat tempatan di sini.

Eco-Tourism

Bagi program *Eco tourism*, aktiviti ini membawa para peserta meneroka aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh penduduk tempatan untuk dipromosikan. Komuniti Kampung Rawa ini terkenal dengan perusahaan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), seperti kraftangan rotan dan makanan tradisi tempatan. Para peserta juga dapat menyaksikan sendiri bagaimana pengusaha IKS menghasilkan produk mereka supaya dapat membantu pihak pengusaha untuk mengkomersialkan produk mereka. Satu lagi aktiviti yang sangat menarik dan unik di *Homestay Kampung Rawa*, iaitu aktiviti bersama masyarakat orang asli di sekitar *Homestay Rawa*, di mana para peserta berpeluang untuk bersama mereka menghasilkan kraftangan orang asli yang diperbuat daripada daun kelapa. Selain itu juga mereka turut dapat menyaksikan sendiri dan

menyertai tarian sewang yang terkenal dalam kalangan masyarakat orang asli di sekitar *homestay* Rawa ini.

Agro-Tourism

Program diteruskan lagi dengan ***Agro Tourism***, yang mana ianya lebih tertumpu kepada aktiviti ternakan dan pertanian yang dijalankan oleh masyarakat sekitar *homestay* Rawa ini. Ternakan yang menjadi daya tarikan utama *homestay* Rawa ini adalah ternakan ikan keli, kambing, itik, burung puyuh, ayam kampung dan lembu yang akan di gunakan untuk menjual atau memasak di hari keraian. Bagi pertanian pula, ladang nenas seluas 8 ekar, ladang serai 8 ekar, cili merah, nangka madu turut ada di sana. Selain itu, produk *Agro-Tourism homestay* Rawa juga diperkenalkan bagi menarik kemasukan pelancong- pelancong dari dalam dan luar negara melalui pengiklanan yang menjadikan laman sesawang sebagai medium, juga memberi galakan kepada penduduk setempat serta pelancong berkaitan produk dan keistimewaan yang terdapat di *homestay* Rawa ini supaya dapat dikomersialkan ke peringkat yang lebih jauh. Tambahan pula, ternakan burung unta turut berdekatan di kawasan *Homestay* Rawa. Para peserta dapat melihat sendiri bagaimana ternakan burung unta ini diusahakan oleh penduduk tempatan dan bagaimana burung unta ini menjalani kehidupan mereka. Aktiviti ini pastinya menarik dan menjadi salah satu aktiviti kegemaran peserta, dan semestinya pengunjung yang bakal berkunjung ke *Homestay* Rawa ini.

PERBINCANGAN

Hasil perbincangan, analisis SWOT mendapati bahawa *homestay* Rawa mempunyai kekuatan, kelemahan, peluang, ancaman yang tersendiri dan tindakan yang harus dilaksanakan demi penambahbaikan. Dalam konteks kekuatan, aktiviti berkuda menjadi daya tarikan yang kuat dan utama di *homestay* Rawa. Tambahan pula, AS Equestrian mendapat pengiktirafan Majlis Ekuin Malaysia menyediakan kemudahan kelas menunggang kuda, khidmat penjagaan kuda dan pelbagai aktiviti berkaitan kuda. Aktiviti dikendalikan oleh jurulatih bertauliah dan berpengalaman dalam pengendalian kuda dan latihan iaitu Encik Aqil, anak kepada pengerusi *homestay* Puan Saadiyah binti Othman. Para pelancong dapat menunggang kuda sambil menikmati kehijauan dan kesegaran suasana desa. Selain itu, *Homestay Rawa* terletak di tempat yang strategik dan berada pada tahap ketersampaian yang baik ke tempat-tempat yang menarik seperti Broga, Hutan Simpan Lenggeng dan lain-lain. Dengan ini, para pelancong akan dapat berkunjung ke tempat-tempat menarik tersebut tambahan pengunjung berpeluang menaiki Bukit Broga merasai keindahan matahari terbit pada hening pagi. Seterusnya, infrastruktur yang lengkap berjaya disediakan di *homestay* ini seperti dewan, penginapan, chalet yang baik dan PA sistem yang lengkap.

Disebalik kekuatan, terdapat beberapa kelemahan yang terdapat di *homestay* Rawa. Hal ini dapat dikesan daripada hasil temubual pengkaji bersama pengusaha yang menyatakan bahawa beliau kekurangan modal dalam melaksanakan penambahbaikan *homestay*. Selain itu, terdapat kekurangan kerjasama dalam kalangan pengusaha *homestay* yang lain dalam melaksanakan aktiviti *homestay*.

Kekurangan komitmen atau penglibatan pengusaha *homestay* yang lain berlaku disebabkan oleh kekangan dalam penglibatan terutamanya hujung minggu. Selain itu, masalah pengangkutan di sesetengah pengusaha *homestay* yang lain yang tidak mempunyai kereta untuk memudahkan membawa pelancong ke sesuatu destinasi. Keadaan laluan utama di hadapan *homestay* yang sempit juga memberi risiko kepada pengunjung kerana sering menjadi laluan kenderaan berat. Kelemahan seterusnya adalah ketidakyakinan pengusaha lain terhadap pengerusi di atas sesuatu perkara yang berkaitan dengan *homestay*. Hal ini akan menyebabkan kesukaran dalam menjayakan program *homestay* yang ingin dianjurkan bersama-sama.

Homestay Rawa juga mempunyai peluang yang perlu digilap untuk terus maju ke hadapan. *Homestay* Rawa telah berpeluang memperkenalkan adat-adat budaya Melayu dengan menonjolkan ciri-ciri budaya dan tradisi Melayu seperti tarian piring dan silat pada malam kebudayaan untuk disaksikan oleh pengunjung. Bukan itu sahaja, *homestay* ini juga berpeluang menarik para pelancong yang ingin bercuti bersama keluarga kerana penjimatan kos penginapan yang lumayan dan memberi pelbagai kemudahan yang cukup kepada pengunjung. Dalam konteks ancaman pula, *homestay* Rawa mempunyai persaingan antara *homestay* kerana terdapat *homestay* lain di Negeri Sembilan. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang dapat dikenal pasti *homestay* tersebut. Tambahan pula, tanpa disedari *homestay* ini sedikit sebanyak tidak menepati ciri dan konsep *homestay* sebenar kerana terdapat pengubahsuaian yang dilakukan mengikut kehendak semasa seperti penambahan chalet. Selain itu, wujud rumah tumpangan di sekitar kawasan *homestay* yang memberi persaingan kepada *homestay*.

Sehubungan dengan ini, terdapat beberapa tindakan yang harus dititikberatkan supaya *homestay* meningkatkan maju dan berterusan menjadi daya tarikan pelancong tempatan dan pelancong asing. Antara tindakan yang harus diketengahkan adalah persatuan *homestay* harus melakukan perjumpaan dan perbincangan yang jelas tentang penambaan *homestay* dengan lebih baik dan teratur. Selain itu, pihak *homestay* juga digalakkan mempunyai hubungan kerjasama yang kukuh dengan badan kerajaan dan bukan kerajaan supaya kerjasama yang terjalin dapat meningkatkan lagi kemajuan *homestay* demi mencapai tahap yang maksimum. Jawatankuasa *homestay* juga harus mengukuhkan lagi dari sudut pemasaran dan promosi dengan mempromosikan *homestay* dengan lebih meluas melalui media massa seperti internet, laman web, facebook, blogspot dan sebagainya. Dengan ini *homestay* lenih meluas dan dikenali di serata dunia.

KESIMPULAN

Program *homestay* dilihat sebagai platform terbaik untuk memperkenalkan dan menjadikan budaya warisan Melayu lebih mampan khususnya serta mampu bersaing dengan negara maju yang lain serta memberikan impak positif kepada masyarakat, ekonomi dan negara. Pengendalian yang lebih teratur akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan dari segi pemudah cara serta modul pembangunan *homestay* dan pembinaan laman sesawang yang tersusun dan teratur. Program *homestay* sememangnya mampu menawarkan pelbagai pakej bagi pelancong yang ingin menyertai program ini mengikut pilihan mereka. Program ini telah menjadi agenda

pembangunan negara kerana ia mampu mengubah kemajuan sesebuah kampung, di samping objektif utama projek yang berasaskan kepada komuniti iaitu mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar. Segala kekangan dan masalah yang dihadapi dalam program *homestay* ini sebenarnya mampu memberi kekuatan dan mendorong semangat pengusaha *homestay* untuk menjayakannya sehingga ke tahap yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, program *homestay* yang telah dijalankan dilihat telah mencapai matlamat dan objektif program tersebut apabila rata-rata dari responden memberi tindak balas yang positif terhadap dimensi yang terdapat di kawasan tersebut. Di harap pihak *homestay* dapat menambahbaik *homestay* sedia ada kerana cabaran *homestay* dilihat mampu untuk bersaing dengan negara maju dan negara membangun yang lain. Dengan erti kata lain, konsep *homestay* yang diterapkan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan dan juga pengisian aktiviti dengan penglibatan penduduk kampung akan memberi manfaat dan nilai tambah kepada penduduk kampung, peserta *homestay*, pelancong dan kampung itu sendiri. Oleh itu, sikap kepimpinan dan motivasi yang tinggi adalah amat penting bagi setiap pengusaha *homestay*. Dalam mencapai matlamat dan objektif penubuhan program tersebut di kampung mereka. Perkembangan dan pembangunan sesuatu program *homestay* dapat dilihat dari segi infrastruktur kampung, sosioekonomi komuniti, organisasi kepimpinan, keusahawanan dan ciri tarikan *homestay* dan keistimewaan *homestay* tersebut.

RUJUKAN

- Amran Hamzah. (2004). *The Evaluation of the Homestay Programme in Malaysia: Performance, Sustainability and Challenge*. Ministry of Tourism Malaysia
- Bhatiah AK (2001) *Tourism development: Principles and practices*. Sterling, New Delhi.
- Chaiwatchara Promjittiphong (2005) *Foreingner tourist satisfaction on homestay services in Royal Project Development Center Teen – Tok, Chiang Mai Province*. Mahidol University, Thailand.
- Che Leh F, Omar B (2013) The growth and achievement of agro-tourism in Malaysia, 2000- 2012. *Proceedings of the 3rd Regional Conference on Tourism Research*, pp, 40-52. Langkawi, Malaysia. 29-31 Oct.
- Homestay*. Tesis Master ke PhD. (Tidak Diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Fazliana Fazin. (2005). *Penilaian Pengalaman dan Tahap Puas Hati Pelancong terhadap Program*
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd. Nor. (2006). Penglibatan Ahli Komuniti dalam Pembangunan Komuniti: Program Homestay di Kedah. *Akademika*, 67, 77-102.
- Norliza Aminudin, Salamiah A Jamal (2006) *Homestay Selangor: Keunikan dan pengalaman pengusaha*. Pusat Penerbit Universiti, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Mapjabil J, Che Ismail S (2012) Program homestay di Sungai Semilang, Pulau Pinang: Pembangunan dan perubahan persekitaran. In: Mapjabil J, Din KH (eds) *Pelancongan di Malaysia: Isu-isu penyelidikan terpilih*. Universiti Utara Malaysia Press, Sintok.

Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh, 2011-2015, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Scheyvens R, Momsen JH (2008) Tourism and poverty reduction: Issues for Small Island States. *Tourism Geographies* 10 (1), 22-41.

Yahaya Ibrahim & Fauwaz Hasbullah. (2008). *Program Pelancongan Homestay dan Komuniti Desa*. Yahaya Ibrahim, Sulung Mohamad dan Habibah Ahmad (Eds.), dalam *Pelancongan Malaysia : Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persempatan*. Sintok, Kedah : Universiti Utara Malaysia.

Maisarah Mohd Rabu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: maisarahmohdrabu@gmail.com

Norngainy Mohd Tawil, Habibah Ahmad
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abdul Rahman Mohd Rabu
Fakulti Ekonomi, Sains Pengurusan dan Perakaunan
Universiti Sultan Zainal Abidin